

Realiti Gerakan Islam dalam Konteks Pembangunan Peradaban di Asia Tenggara

The Reality of the Islamic Movement in the Context of Civilisation Development in Southeast Asia

Abdullah Zaik Abd Rahman

¹Ikatan Muslimin Malaysia,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor,
Malaysia.

(^①Corresponding email: iris.institute1@gmail.com)

ABSTRAK

Kertas kerja ini telah dibentangkan di Persidangan Kuala Lumpur Summit yang telah diadakan di Turkiye pada Disember 2022. Kertas kerja ini membincangkan persoalan adakah usaha gerakan Islam di Dunia Islam umumnya dan di Asia Tenggara khususnya sepanjang satu kurun pertama selepas kejatuhan khilafah merupakan sebuah projek pembangunan peradaban Islam yang sebenar. Projek pembangunan peradaban Islam yang lahir daripada kefahaman tentang konsep hadarah yang sebenar menuntut proses perubahan yang syumul dan mendasar. Bagaimanapun, usaha membangunkan semula peradaban Islam yang dibawa oleh gerakan Islam masih berada dalam kerangka ketamadunan Barat yang diimport daripada luar. Penilaian semula cara fikir, pendekatan dan strategi gerakan Islam adalah penting sebagai intervensi bagi memastikan segala gerak kerja gerakan Islam pada hari ini benar-benar menyumbang kepada projek besar pembinaan peradaban Islam di masa hadapan.

KATA KUNCI

*Peradaban
Islam, Gerakan
Islam, Asia
Tenggara*

Received: May 9, 2023

Accepted: May 24, 2023

Published: May 31, 2023

ABSTRACT

This paper was presented at the Kuala Lumpur Summit Conference held in Turkiye in December 2022. This paper discusses the question of whether the efforts of the Islamic movements in the Islamic World in general and in Southeast Asia in particular throughout the first century after the fall of the caliphate is the real and true Islamic civilisational development project. The Islamic civilisational development project based on the true understanding of the hadarah concept requires a comprehensive and fundamental change process. However, the efforts to rebuild Islamic civilisation brought by the Islamic movements are still within the Western civilisation framework. Reviewing the Islamic movements' way of thinking, approach and strategy are important as an intervention to ensure that all the efforts of the Islamic movements today really contribute to the big project of building Islamic civilisation in the future.

KEYWORDS

*Islamic civilisation,
Islamic
movement,
Southeast Asia*

1.0 Pengenalan

Gerakan Islam telah melalui satu tempoh yang panjang, sekurang-kurangnya 100 tahun dalam menjalankan usaha menegakkan semula Islam sejak kejatuhan khilafah. Bagaimanapun, apa yang berlaku secara umum di Dunia Islam, dan secara khusus di Asia Tenggara menunjukkan bahawa percubaan-percubaan yang dibuat pada 100 tahun pertama ini tidak mencapai tujuan asal bagi membangunkan semula peradaban Islam. Meskipun secara zahir terdapat kemajuan seperti di Malaysia contohnya namun kemajuan ini masih berada dalam kerangka ketamadunan barat yang diimport daripada luar (*mustaghrabah*). Dakwaan ini bertitik tolak daripada perbezaan tafsiran terhadap konsep tamadun atau hadarah.

Hadarah ialah kemuncak pencapaian usaha masyarakat manusia, untuk membangunkan kesempurnaan demi merealisasikan aspirasinya bagi mengecapi kebahagiaan manusia di dunia dan akhirat. Projek pembangunan peradaban yang difahami daripada takrifan ini menuntut kepada proses perubahan yang syumul dan mendasar bermula daripada falsafah ilmu yang sahih membentuk gambaran yang menyeluruh sehingga terzahir pada bidang-bidang, sistem serta produk peradaban. Mustahil hadarah ini dapat dibina secara terpisah dan terpecah tanpa melakukan perubahan secara menyeluruh dan mendasar. Usaha yang dibuat dalam kerangka ketamadunan Barat sedia ada hanyalah tempelan yang tidak membawa kepada natijah yang sebenar.

Hari ini, usaha terbesar yang menjadi tumpuan gerakan Islam di seluruh dunia ialah melibatkan diri dalam politik di negara-negara Islam dengan tujuan mendapatkan kuasa bagi melaksanakan projek-projek Islam. Namun, gerakan Islam perlu menilai secara adil dan insaf; adakah penglibatan gerakan Islam dalam politik ini membawa gerakan Islam kepada tujuan-tujuan yang terkandung dalam hasrat asal pada awal kurun terdahulu?

Apa yang berlaku dalam peristiwa Arab Spring baru-baru ini mendedahkan jawapan kepada persoalan tersebut. Apa yang berlaku kepada gerakan Islam dalam peristiwa Arab Spring ini menunjukkan bahawa di sebalik perancangan gerakan Islam yang kelihatan mempunyai pakej perubahan yang sempurna, hakikatnya gerakan Islam tidak mempunyai kapasiti dan kesediaan yang sepadan dengan pertembungan kuasa yang berlaku.

Adakah idea dan tasawur yang sedia ada memadai dalam konteks pertembungan dengan peradaban barat? Adakah struktur, sistem, dan pembangunan dalaman gerakan Islam sedia ada memadai untuk

bersaing dalam kancah kuasa? Adakah strategi dan hala tuju gerakan Islam di atas landasan yang betul untuk membangunkan semula peradaban?

Persoalan-persoalan yang dibincangkan dalam persidangan ini merupakan persoalan yang datang pada waktunya, dan perlu diberikan haknya. Gerakan Islam perlu menilai diri sendiri secara menyeluruh; sejauh mana gerakan Islam mengambil kira pengalaman (tajribah) sedia ada untuk perjalanan 100 tahun kedua.

2.0 Kedudukan Asia Tenggara dalam Peradaban Dunia

Asia Tenggara merupakan sebuah rantau yang penting dalam konteks realiti umat Islam hari ini. Bilangan umat Islam di Asia Tenggara adalah sebanyak 257.7 juta orang pada tahun 2010 dan dijangka meningkat kepada 307.3 juta orang pada tahun 2030 (Pew Research Center, 2011). Bilangan ini mewakili hampir 14% daripada kesemua umat Islam di seluruh dunia. Indonesia dan Malaysia merupakan dua buah negara yang memiliki peratusan umat Islam tertinggi di Asia Tenggara, dan dijangka akan terus meningkat sehingga tahun 2030.

Dalam konteks global, umat Islam di Asia Tenggara mendiami wilayah geografi yang penting dari sudut politik dan ekonomi antarabangsa. Asia Tenggara adalah sebuah kawasan seluas 4.5 juta kilometer persegi yang mempunyai kelebihan geografi yang unik. Rantau ini mempunyai pelbagai bentuk muka bumi merangkumi pelbagai tanah dan air serta iklim khatulistiwa yang sederhana. Kelebihan ini membolehkan rantau ini mempunyai biodiversiti alam yang menarik berbanding rantau yang lain.

Brunei, Indonesia dan Malaysia merupakan antara negara yang memiliki rizab minyak dan gas asli yang besar di Asia Tenggara. Menurut data World Energy Council pada tahun 2016, jumlah rizab minyak mentah bagi ketiga-tiga negara umat Islam ini mencecah 1.1 billion tan setahun, manakala jumlah rizab gas asli ketiga-tiga negara ini mencecah 3.86 bilion tan setahun. Negara-negara di Asia Tenggara juga dikurniakan dengan kekayaan sumber mineral. Menurut data pada tahun 2012, jumlah pengeluaran mineral daripada negara-negara Asia Tenggara (meliputi mineral seperti emas, timah, nikel, bijih besi, zink, arang batu, bauksit, kuprum dan batu permata) mencecah nilai US\$53.5 bilion (Hatcher, 2020).

Asia Tenggara adalah sebuah rantau yang memiliki laluan-laluan penting perdagangan dunia seperti Selat Melaka, Laut China Selatan dan Selat Sunda. Pada tahun 2010, dianggarkan separuh daripada seluruh muatan dagangan dunia yang melalui jalan laut perlu melalui Selat Melaka. Selat Melaka amat strategik kerana ia menghubungkan pasaran di barat (Eropah, Afrika, Asia Barat, Asia Tengah) dengan timur (China, Asia Timur). Jumlah kapal yang melalui Selat Melaka dianggarkan 19 kali lebih banyak daripada kapal yang melalui Terusan Suez atau Panama (World Economic Forum, 2014).

Dalam konteks sejarah, rantau Asia Tenggara adalah sebuah lembah pembangunan peradaban manusia sebelum Islam tiba di rantau ini lagi. Kerajaan-kerajaan yang ada di Asia Tenggara telah mencapai tahap yang signifikan dalam pembangunan ekonomi, industri, perdagangan dan pentadbiran. Kerajaan-kerajaan Melayu telah mencapai status kuasa besar dunia dalam bidang ekonomi dan politik antarabangsa. Ini menjadikan kerajaan Melayu seperti Melaka, Srivijaya dan Funan sebagai kuasa besar dunia yang signifikan dan berpengaruh dalam bidang perdagangan maritim pada era 500SM sehinggalah pada awal abad ke-19M.

Gelaran *Suwarnadvipa* (Semenanjung Emas) yang diberikan kepada Semenanjung Tanah Melayu membuktikan rantau ini kaya dengan emas dan perak. Ini dibuktikan dengan banyak perhiasan raja

Melayu diperbuat daripada emas. Catatan Albert S. Bickmore (1866) telah memerihalkan mengenai dua buah gunung yang dikenali sebagai Mount Ophir, satunya di Palembang, manakala satu lagi terletak 40 batu di kawasan utara Melaka. Nama Mount Ophir ini diberi oleh Portugis yang telah menjumpai dua buah gunung yang pada kepercayaan mereka telah membekalkan emas dalam kuantiti yang banyak untuk membina rumah ibadat Nabi Sulaiman (1015-975 SM) di Baitulmaqdis. Menurut Bickmore (1866) lagi, emas-emas tersebut diangkut menggunakan kapal-kapal milik Nabi Sulaiman. Ini adalah kepercayaan orang Eropah selama ratusan tahun sebelum mereka datang ke Alam Melayu.

Kerajaan-kerajaan Melayu telah mencapai satu tahap industri yang tinggi seperti di Sungai Batu, Kedah. Bijih besi yang dilombong kemudiannya dileburkan sebelum dibentuk menjadi jongkong untuk diperdagangkan di pasaran dunia. Orang Melayu telah mencapai satu tahap teknologi peleburan besi seawal tahun 4000SM. Kajian arkeologi Wilhelm G. Solheim (1970) di tapak penggalian di Thailand menemui bukti teknologi pemprosesan dan peleburan logam dan besi telah bermula pada tahun 4000SM lagi.

Oleh itu, dalam sejarah ketamadunan Islam sendiri, rantau Asia Tenggara merupakan sebuah rantau yang penting. Setelah kedatangan Islam, bangsa Melayu telah membangunkan Alam Melayu yang menaungi pelbagai kerajaan besar seperti kerajaan Melaka (kemudiannya kerajaan Johor-Riau), kerajaan Aceh, kerajaan Demak, kerajaan Brunei, dan lain-lain.

Islam telah menjadi sumber pemikiran dan pembentukan identiti, budaya dan keilmuan kepada tamadun Alam Melayu. Asia Tenggara mengemukakan sebuah pengalaman dan potensi yang tersendiri, yang boleh dinilai secara mendalam dalam konteks melakukan semakan terhadap perjalanan projek pembangunan semula Peradaban Islam.

Adalah mustahil untuk memahami pertembungan peradaban dunia tanpa memahami perjalanan peradaban di Asia Tenggara. Sejarah peradaban Islam Alam Melayu adalah bahagian penting dalam sejarah peradaban Islam. Gerakan Islam terdedah kepada titik buta yang kritikal dalam merangka strategi dan hala tuju jika tidak memahami pengalaman Alam Melayu.

3.0 Pengalaman Perjalanan Projek Pembangunan Semula Peradaban Islam

3.1 Fasa Ketamadunan

Alam Melayu memiliki sejarah Islam yang sangat panjang dan pengaruh Islam yang sangat luas terhadap pembentukan budaya kemasyarakatan hari ini. Dapatan kajian semasa menunjukkan bukti bahawa pengaruh ajaran tauhid telah ada di Alam Melayu melalui *millah ibrahim* yang berlaku ribuan tahun terdahulu (Solehah Yaacob, 2022). Sejarawan mendapati ini adalah antara faktor mengapa mudahnya Alam Melayu secara terbuka menerima ajaran Islam dibawa pedagang Muslim selepas itu.

Bukti terawal menunjukkan penerimaan Alam Melayu sebagai sebuah kerajaan terhadap Islam dapat dilihat seawal abad pertama hijrah antaranya melalui surat kepada Umar Abdul Aziz. Surat itu yang direkodkan oleh Ibn Abd Rabbih dalam kitabnya *al-Iqd al-Farid* (1987) menunjukkan bagaimana Raja Srivijaya ketika itu iaitu Sri Indavarman memohon supaya khalifah menghantar wakil untuk mengajarkan hukum-hakam dan ajaran Islam. Penemuan artifak seperti batu nisan bertarikh 1028M di Pahang dan Batu Bersurat Terengganu 1303M juga menunjukkan bagaimana Islam ketika itu bukan sekadar menjadi pegangan individu, tetapi telah mendasar sehingga menjadi budaya dan tatacara kehidupan masyarakat di dalam sebuah kerajaan (Othman Mohd Yatim, 1988; Othman Mohd Yatim & Abdul Halim Nasir, 1990).

Kemasukan Islam di Alam Melayu menjadikan pembangunan ketamadunan Melayu semakin pesat dan maju. Keluasan peradaban Islam di tanah Melayu boleh dibahagikan kepada tujuh kelompok besar iaitu kepulauan Sumatera, tanah besar, Semenanjung, kepulauan Borneo, kepulauan 'Filipina', Sulawesi dan Jawa dengan puluhan bentuk kerajaan yang ada. Kesatuan yang berlaku adalah pada kesepakatan politik, ekonomi, budaya dan pemeliharaan akidah sesama kerajaan yang ada. Pusat peradaban Melayu-Islam sentiasa berubah berdasarkan perkembangan geopolitik semasa seperti satu tempoh di Kedah Tua kemudian Melaka dan seterusnya ke Aceh.

3.2 Fasa Penjajahan - Perang Salib dan Jihad Orang Melayu

Pergerakan awal penjajahan Eropah ke pelbagai pelusuk dunia termasuk Alam Melayu berlaku sekitar abad ke-15 yang mereka sebut sebagai '*age of exploration*'. Terdapat beberapa peristiwa penting yang perlu dilihat bagi memahami landasan gerakan penjajahan ini.

Kegagalan Perang Salib (1095-1291) membawa kepada Eropah berfikir mencari cara baharu menewaskan umat Islam. Kemuncak kekalahan semasa kejatuhan Konstantinopel pada 1453 memberi impak besar kerana Eropah terputus laluan ke Alam Melayu yang merupakan sumber utama rempah, makanan dan bekalan lain bagi Eropah. '*Reconquista Andalus*' pada 1492 membawa kepada pencurian hasil keilmuan Islam dan penemuan jalan laut ke Alam Melayu serta '*hundred years war*' antara raja-raja Eropah yang memberi kesan trauma ekonomi, sosial dan politik sehingga penjajahan ke atas umat Islam.

Penjajahan kuasa-kuasa besar Eropah seperti Portugal dan Sepanyol ke atas Alam Melayu perlu dilihat dalam kerangka pertembungan kuasa Islam dan Barat. Penjajahan Melaka oleh Portugal di Alam Melayu adalah sebuah bentuk serangan terhadap dunia Islam bagi melumpuhkan kekuatan ekonomi dan geopolitik khilafah Islam ketika itu. Dalam masa yang sama juga ia adalah gerakan kristianisasi yang digerakkan oleh kelompok Yahudi yang telah menyerap masuk ke dalam Kristian (*converso*) membentuk Jesuit Order. Penjajahan Sepanyol ke atas Alam Melayu seperti di Filipina mempunyai modus operandi yang sama seperti yang dilakukan terhadap umat Islam Andalus sehingga menghapuskan sepenuhnya identiti Islam dalam masyarakat secara paksa. Jurnal pelayaran Vasco da Gama mencatatkan motif utama beliau "*we came in search of Christians and of spices*" (A Journal of the First Voyage of Vasco da Gama 1497-1499, 2014, perenggan 49).

Hakikatnya, ini adalah permulaan usaha penjajah merobohkan ketamadunan Alam Melayu dan memaksa hegemoni ketamadunan Barat (Salib) ke atas umat Islam di rantau ini. Hal ini disedari oleh kerajaan-kerajaan Melayu lalu mereka mengisytiharkan jihad untuk mempertahankan ketamadunan Islam di alam ini. Haji Buyong Adil di dalam bukunya *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan: Abad 15-19* (1983) telah merakamkan 21 episod mengenai perjuangan bangsa Melayu menentang penjajahan yang datang bersilih ganti di Semenanjung Tanah Melayu. Antara siri jihad yang pernah dilancarkan adalah jihad Kesultanan Melaka terhadap penjajah Portugis (1511), Kesultanan Sulu terhadap Sepanyol (1521), Kesultanan Aceh terhadap Portugis (1569), Kerajaan Johor-Riau terhadap Belanda (1784), Kesultanan Patani terhadap Siam (1786), Kesultanan Kedah terhadap Siam (Perang Musuh Bisik 1821) serta Kesultanan Brunei terhadap British (1839).

Jihad yang digerakkan tidak hanya terhad pada peperangan semata-mata. Jihad juga berlaku pada dimensi yang pelbagai seperti ekonomi, pendidikan serta mempertahankan identiti Melayu Islam. Misalnya, pemulauan ekonomi oleh kerajaan Islam terhadap Portugal membawa kepada kelumpuhan ekonomi Portugal 1641. Selain itu, usaha kristianisasi yang cuba dilakukan secara paksaan ke atas bangsa Melayu di Melaka oleh Paderi Francis Xavier gagal kerana bersungguhnya masyarakat mempertahankan akidah.

Nadi jihad yang tidak pernah berhenti ini digerakkan oleh para pembesar dan ulama yang memimpin jihad masyarakat menentang penjajah ketika itu. Antara tokoh pemimpin jihad yang terkenal adalah Sheikh Shamsuddin al-Sumatrani (wafat 1630), Sheikh Abdul Samad al-Palimbani (wafat 1832), Sultan Abdullah (Kedah), Penghulu Dol Said (1773-1849) dan ramai lagi. Gerakan jihad ini juga bukanlah bersifat lokaliti tetapi digerakkan secara tersusun pada peringkat serantau. Contohnya, gerakan jihad pimpinan Sheikh Wan Ahmad Fatani (1856-1908) yang dilantik oleh khalifah Sultan Abdul Hamid II sebagai duta Alam Melayu serta pembentukan Kelab Rushdiyyah (1892). Gerakan Sheikh Wan Ahmad Fatani membentuk lapisan pemimpin yang benar-benar mempunyai ciri kepimpinan sebenar di seluruh Semenanjung Tanah Melayu seperti Tokku Paloh (1817-1917), Raja Ali Haji (1808-1873), Dato Bahaman (1838-1977), Tok Janggut (1853-1915), dan lain-lain.

Fasa ini menunjukkan bagaimana bangsa Melayu memahami gerakan penjajahan Barat dalam kerangka pertembungan ketamadunan yang besar.

3.3 Fasa Kebangkitan Fikrah Islam

Pemerhatian terhadap gerakan Islam pasca kejatuhan Khilafah Uthmaniyah menunjukkan kemunculan ramai pemikir Islam yang melaungkan hasrat mereka untuk melakukan perubahan total peradaban. Fasa ini disebut sebagai fasa '*sohwah Islamiyyah*' iaitu fasa kebangkitan Islam. Kebangkitan ini melatari banyak dunia Islam ketika itu antaranya Sayyid Jamaluddin al-Afghani (1838-1897), Syekh Mohd Abduh (1849-1905), Rashid Rida (1865-1935), Said Nursi (1878-1960), Sakib Arsalan (1869-1946), Mustafa Sabri Afendi (1869-1954), Muhammad Iqbal (1877-1938), al-Maududi (1903-1979), Hasan al-Banna (1906-1949) dan ramai lagi. Kesemua mereka mengetengahkan ijtihad pemikiran masing-masing terhadap idea perubahan dan penambahbaikan berdasarkan kepada kemampuannya melihat dan membaca realiti semasa.

Kebangkitan ini secara umumnya merupakan respons terhadap suasana yang berlaku ketika itu. Pertamanya adalah keadaan lemah dan kejatuhan keseluruhan binaan khilafah Uthmaniyah secara menyeluruh yang berpusat di Turki. Keduanya adalah usaha penjajah Barat yang cuba melakukan '*installation*' kebudayaan dan pemikiran Barat terhadap dunia Islam yang mereka jajah. Perubahan ini adalah satu bentuk penjajahan baharu bagi melahirkan orde dunia baharu atau '*New World Order*' yang mempunyai impak penjajahan lebih dalam bukan sekadar pada fizikal seperti fasa penjajahan sebelum ini. Menyedari bahawa gerakan pembaratan (*westernisation*) ini akan memberi kesan buruk terhadap jati diri umat Islam, maka tokoh-tokoh kebangkitan Islam telah menyeru supaya usaha pembaratan ini ditentang dalam pelbagai bentuk sama ada pendidikan, ekonomi, politik dan sebagainya.

Suasana kebangkitan pemikiran yang berlaku di Tanah Arab umumnya juga mempengaruhi suasana di Alam Melayu. Kebangkitan ini juga adalah penerusan daripada usaha jihad serantau yang berlaku sebelum itu. Kepulangan pelajar Melayu yang menuntut ilmu di Timur Tengah seperti di Mekah mahupun Mesir seperti Sheikh Tahir Jalaluddin (1869-1906) dan Syed Sheikh al-Hadi (1867-1934) telah menggerakkan idea islah di Tanah Melayu. Selain itu, Burhanuddin al-Helmy (1911-1969) telah membicarakan soal peradaban Islam dalam konteks Nusantara manakala Zainal Abidin Ahmad Zaaba (1895-1973) telah menekankan soal pembaharuan pemikiran dan pendidikan bangsa Melayu.

Begitu juga di Indonesia, muncul ramai tokoh-tokoh pemikir Islam seperti K.H Ahmad Dahlan (1868-1923) yang melihat perlunya pembaharuan pada setiap aspek umat Islam Indonesia. Mohammad Natsir (1908-1993) melihat Islam sepatutnya dijadikan identiti asas kepada negara Indonesia dan Buya Hamka (1908-1981) yang menekankan bagaimana Melayu sepatutnya dilihat pada perspektif bangsa ketamadunan bukan etnik yang kecil serta bagaimana bangsa Melayu adalah tonggak kepada kemakmuran dan pembangunan Nusantara.

Suasana di waktu itu membentuk satu realiti baru bagi gerakan Islam iaitu hidup dalam bentuk sistem negara bangsa (*nation state*). Implikasi realiti ini membawa kepada banyaknya perbahasan yang berlaku berkait kewarganegaraan, agama dalam negara, kepimpinan, demokrasi dan lain-lain. Negara walaupun secara luarannya merdeka tetapi pemerintah yang sedia ada merupakan proksi kepada kehendak penjajah dalam setiap aspek kehidupan.

Hal ini juga mempengaruhi tasawur perubahan yang perlu dilakukan. Berdasarkan kefahaman mereka terhadap realiti dan kapasiti masing-masing, terbentuk tiga kelompok utama dalam kalangan mereka yang mempunyai hasrat membina semula peradaban Islam. Ketiga-tiga kelompok ini berbeza dari sudut visi, manhaj dan strategi gerak kerja yang mereka laksanakan. Kelompok pertama melihat perubahan mestilah dengan keluar daripada sistem Barat sedia ada dan menegakkan sistem baharu Islam di atasnya (*inqilab kulli*). Kelompok kedua pula cuba melakukan pembaharuan di dalam sistem Barat yang sedia ada manakala kelompok ketiga bersifat cair dan berjiwa tewas yang menerima kerangka kemajuan dan peradaban Barat dan cuba untuk hidup di dalamnya.

Di Indonesia, lahir gerakan-gerakan Islam tempatan seperti Jamiatul Kheir yang diasaskan pada tahun 1905, Sarekat Islam pada tahun 1905, Muhammadiyah pada tahun 1912, Persatuan Islam pada tahun 1926, Nahdatul Ulama pada tahun 1926 dan Dewan Dakwah pada tahun 1967. Gerakan-gerakan ini menumpukan usaha dalam melakukan pembaharuan terhadap pelbagai permasalahan umat Islam khususnya pendidikan dalam masyarakat Islam serta pembentukan kesedaran Islam dalam hidup.

Dari sudut pendidikan, organisasi-organisasi besar di atas masing-masing mempunyai sumbangan dalam mewujudkan ribuan institusi pendidikan di pelbagai peringkat merangkumi pendidikan asas, menengah dan pengajian tinggi. Antaranya Universiti Islam Indonesia yang ditubuhkan pada tahun 1945, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta pada tahun 1957, Universitas Muhammadiyah Surakarta pada tahun 1958, UIN Sunan Gunung Djati Bandung pada tahun 1968 dan banyak lagi.

Banyaknya institusi Islam tempatan dan ramainya pelajar yang pulang dari Timur Tengah atas usaha gerakan-gerakan Islam awal ini kemudiannya memberi kesan baharu kepada gerakan Islam. Dari sinilah lahirnya Himpunan Mahasiswa Islam pada tahun 1947, Pergerakan Mahasiswa Islam Indonesia pada tahun 1960, Forum Silaturahmi Lembaga Dakwah Kampus pada tahun 1986 dan Kesatuan Aksi Mahasiswa Muslim Indonesia pada tahun 1998 yang merupakan gelombang baharu dalam kalangan pemuda yang membawa aspirasi suara Islam.

Wujud juga usaha untuk melakukan pembaharuan melalui jalan politik seperti yang dilakukan oleh Parti Sarekat Islam Indonesia pada tahun 1929, Parti Masyumi pada tahun 1943, Partai Keadilan Sejahtera PKS pada tahun 1998 serta yang terkini Parti Gelombang Rakyat Indonesia GELOKA pada tahun 2019. Parti-parti politik ini cuba untuk mengangkat suara Islam dalam Parlimen dan cuba untuk menembusi koridor kuasa dan pemerintahan.

Di Tanah Melayu pula, kebanyakan tokoh pemikir Islam berpusat di pondok seperti Maahad al-Ihya as-Shariff, Gunung Semanggol. Di sana berlaku pelbagai persidangan seperti Persidangan Ulama Malai-Sumatera 1943, Persidangan Islam se-Malaysia 1947 dan Persidangan Ekonomi-Agama 1947 yang membawa kepada tertubuhnya Majlis Agama Tertinggi Malaya (MATA) yang bertujuan menjaga kepentingan dan hal ehwal umat Islam, Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR) yang fokus kepada hal pendidikan masyarakat muslim sehingga terdapat idea membentuk Universiti Hang Tuah dan Pusat Perekonomian Melayu (PEPERMAS) yang mencadangkan penubuhan bank Melayu.

Melalui politik pula, terbentuk parti Hizbul Muslimin pada tahun 1947 yang ingin mengangkat suara umat Islam dalam hal kenegaraan. Kemudian muncul parti-parti yang membawa suara Islam seperti Parti Islam se-Malaysia (PAS) 1951, Berjasa pada tahun 1977 dan Parti Amanah pada tahun 2015. Masing-masing memperjuangkan agenda politik Islam dengan cara masing-masing dan dengan pencapaian yang tersendiri.

Dalam bidang pendidikan juga terdapat beberapa gerakan penting. Misalnya, LEPIR memberi cadangan silibus dan sistem pendidikan baharu yang menyeluruh. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah menubuhkan institusi pendidikan Musleh sebagai usaha membangunkan sekolah Islam bersepadu menjadi alternatif kepada sistem pendidikan sedia ada. Kerajaan juga telah mewujudkan pelbagai institusi pendidikan tempatan dan Islam di peringkat sekolah agama rakyat ataupun universiti Islam seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang ditubuhkan pada tahun 1977, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada 1983 dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 1998 bagi memenuhi kehendak masyarakat terhadap Islam.

Pelbagai gerakan terlibat dalam usaha memberi kesedaran dakwah terhadap masyarakat seperti Angkatan Belia Islam Malaysia ABIM yang ditubuhkan pada tahun 1971, Himpunan Lulusan Institutsi Pendidikan Malaysia HALUAN pada tahun 1988, Jemaah Islah Malaysia (JIM) pada tahun 1990, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) pada tahun 1998 dan Pertubuhan Ikram Malaysia IKRAM pada tahun 2009. Setiap gerakan Islam ini memberi fokus perubahan yang berbeza berdasarkan kepada perspektif perubahan yang dilihat.

Di sebalik segala cabaran yang dilalui, masyarakat Islam di Asia Tenggara secara umumnya mempunyai tahap kesedaran dakwah Islam yang semakin baik. Misalnya, kesedaran dalam memelihara norma Islam dalam masyarakat serta menolak budaya hidup Barat. Begitu juga dengan kesedaran terhadap isu umat Islam global seperti Palestin, Bosnia, Rohingya, Patani, Uighur dan sebagainya yang banyak mengesani sensitiviti masyarakat. Namun, kesedaran ini masih lagi di tahap sederhana kerana ia tidak dapat dipandu atau digarap sepenuhnya oleh gerakan Islam sehingga menjadi sumber kekuatan dalam projek pembangunan semula peradaban Islam.

4.0 Arab Spring Sebagai Titik Perubahan

Arab Spring telah menjadi medan ujian yang sebenar terhadap keutuhan dan kebolehlaksanaan idea perubahan Islam. Hasil pemerhatian kepada apa yang berlaku, dapat disimpulkan bahawa harakah Islamiyah rata-ratanya gagal melepasi ujian tersebut dengan selamat dan jayanya. Pengalaman Arab Spring menunjukkan lohong besar pada idea dan persediaan struktur harakah untuk masuk fasa politik secara keseluruhan.

Kebanyakan gerakan-gerakan Islam gagal sepenuhnya dalam memahami konsep kuasa di fasa pembentukan. Pemerintahan Islam tidak boleh bertahan hanya dengan berpegang kepada kuasa autoriti yang dimenangi melalui peti undi. Sebaliknya mereka mesti menguasai bidang pengaruh lain seperti media, ekonomi, hubungan antarabangsa dan sebagainya.

Bahkan, kuasa politik yang ada pada hari ini - dalam sistem liberal demokratik - hanya terhad kepada memberikan khidmat kepada penguasaan kapitalis semata-mata. Harakah akan terus gagal jika tidak melakukan apa-apa perubahan yang strategik dan pendekatan terhadap kuasa mengikut dimensi yang sebenar.

Bahkan dalam sesetengah kes, pengalaman ini telah mendedahkan sisi sebenar harakah yang selama ini dianggap sempurna dalam semua segi. Kadang-kala dilihat seolah-olah seperti pecah tembela.

Harakah bukan sahaja gagal dalam menangani cabaran luaran tetapi telah menjadi hancur dari dalam dan pecah retak seribu yang tak mungkin dicantum lagi.

Selain itu, tidak kurang juga yang memilih jalan berdamai, mengalah dan akur dengan pilihan kehendak Barat - Zionis dan Kristian - dengan menjadi liberal, '*moderate*' dan bersedia meleburkan diri menjadi sebahagian komuniti antarabangsa di bawah telunjuk orde '*Liberty, Equality, Fraternity*'. Mereka tiba-tiba menyedari diri mereka kerdil, ibarat menduga lautan dalam tetapi hanya berbekalkan kail panjang sejengkal.

Dalam fasa akhir 100 tahun pertama ini, harakah Islamiyah berhadapan dengan ujian kelayakan yang sebenar. Ujian dari segi keabsahan idea, keutuhan *tanzim*, kejelasan perancangan dan hala tuju, serta keampuhan mengharungi cabaran dan sebagainya. Persoalan besar yang muncul berdasarkan dapatan pengalaman ini ialah bagaimana gerakan Islam boleh meneruskan langkah untuk menghadapi 100 tahun yang baharu dalam situasi yang sangat menekan ini?

5.0 Kesimpulan

Asia Tenggara yang merupakan sebahagian daripada kawasan Asia adalah sebuah tempat yang mempunyai kedudukan yang penting pada perspektif pembangunan Peradaban Islam. Kepentingannya bukan sekadar pada potensi kedudukan geografi dan sumber alamnya sahaja, tetapi juga dari sudut kekuatan populasi di mana terletaknya umat Islam yang paling ramai dalam sebuah negara, iaitu Indonesia.

Apabila dilihat pada perspektif sejarah, kawasan ini sentiasa memainkan peranan utama dalam sejarah ketamadunan manusia seperti kemajuan industri besi, ilmu perkapalan, perlombongan emas serta laluan utama perdagangan antarabangsa. Oleh itu, usaha membangunkan peradaban Islam di masa hadapan perlu mengambil kira potensi dan pengalaman rantau ini.

Pengalaman Islam di Asia Tenggara pada hari ini menunjukkan terdapat usaha yang telah dilakukan dalam kerangka pembangunan Islam secara umum. Sudut pembangunan banyak tertumpu kepada aspek sosial iaitu kesedaran dakwah masyarakat, pendidikan melalui sekolah dan institusi pengajian tinggi serta sebahagian keterlibatan politik melalui parti Islamis. Namun, untuk meletakkan ia sebagai projek pembangunan peradaban secara menyeluruh dan mendasar menjadi persoalan kerana ia masih berbentuk sebahagian dan dalam kerangka 'islah' sistem yang sedia ada.

Pengalaman 100 tahun pasca kejatuhan khilafah serta noktah Arab Spring yang berlaku baru-baru ini menunjukkan perlunya gerakan Islam melakukan muhasabah terhadap perjalanannya selama ini. Apabila dilihat berdasarkan kerangka takrif hadarah, pengalaman gerakan Islam di Asia Tenggara menunjukkan usaha-usaha yang sedia ada masih lagi dilihat sebagai percubaan dan belum mencapai makna projek pembangunan peradaban Islam secara menyeluruh.

Hal ini menuntut gerakan Islam melihat kembali setiap aspek meliputi visi-misi, pemikiran (fikrah), gerak kerja, strategi, pendekatan, fasa (marhalah), keterlibatan politik dan lain-lain. Meneruskan perjuangan dengan cara dan trend sedia ada tidak akan membawa kepada natijah yang diinginkan di masa hadapan. Penilaian semula ini penting sebagai intervensi bagi memastikan segala gerak kerja gerakan Islam pada hari ini benar-benar menyumbang kepada projek pembinaan peradaban Islam di masa hadapan. Struktur organisasi, gerak kerja dan cara fikir mesti dilihat kembali dan dirumus semula untuk melayakkan gerakan Islam melakukan anjakan yang sepatutnya serta meletakkan ia setara dengan pandangan pembangunan peradaban di masa hadapan.

6.0 Penghargaan

Sekalung penghargaan terima kasih kepada Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR) dan Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute yang telah menyumbang dalam penyediaan dan penulisan kertas kerja ini.

Rujukan

Bickmore, A. S. (1868). *Travels in the East Indian Archipelago*. Murray.

Haji Buyong Adil. (1983). *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan: Abad 15-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Hatcher, P. (2020). The Political Economy of Southeast Asia's Extractive Industries: Governance, Power Struggles and Development Outcomes. In *The Political Economy of Southeast Asia* (pp. 317–339). Springer International Publishing.

Ibn Abd Rabbih. (1987). *Al-Iqd al-Farid*. Beirut: Darul Kutub Al-Ilmiyah.

Othman Mohd. Yatim & Abdul Halim Nasir. (1990). *Epigrafi Islam Terawal di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Othman Mohd. Yatim. (1988). *Batu Aceh: Early Islamic Gravestones in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Museum Association of Malaysia.

Pew Research Center. (2011). [The Future of the Global Muslim Population: Asia Pacific Region](#).

Ravenstein, E. G. (2014). [A Journal of the First Voyage of Vasco da Gama 1497-1499](#). New York: Burt Franklin. (terjemahan)

Solehah Yaacob. (2022). *Keturah: Isteri Nabi Ibrahim a.s. yang ketiga dan Alam Melayu*. [Video]. <https://www.youtube.com/watch?v=q9TEVfZuRwc>

Solheim, W. G. (1970). Northern Thailand, Southeast Asia, and World Prehistory. *Asian Perspectives (Honolulu)*, 13, 145–162.

World Economic Forum. (2014). [The World's Most Important Trade Route?](#)

World Energy Council. (2016). [World Energy Resources](#).